

**Ternyata tiada agenda Islam dalam manifesto pembangkang
Utusan Online
25 Februari, 2013
Oleh SUWARNI MOKHTAR**

KUALA LUMPUR 25 Feb. - Gabungan parti-parti dalam pakatan pembangkang ternyata rapuh dan kini jelas bahawa setiap parti terpaksa mengorbankan perjuangan masing-masing termasuk Pas yang dasarnya adalah melaksanakan hukum Islam di negara ini.

Buktinya, seperti kata seorang blogger, manifesto pakatan pembangkang yang diumumkan hari ini tidak pun menyatakan mengenai sebarang agenda khusus berhubung perjuangan memartabatkan Islam.

Azli Shukri melalui laman blog *azlishukri.blogspot.com* berkata, beliau sebelum ini menjangka atau mengharapkan sekurang-kurangnya asas perjuangan Pas iaitu melaksanakan hukum hudud dimuatkan dalam manifesto tersebut.

Menurutnya, perjuangan asas Pas itu sepatutnya terkandung dalam manifesto pakatan pembangkang sebagai menghormati pengundi-pengundi atau ahli-ahli Pas yang dari dulu memperjuangkan Islam.

Laporan penuh boleh dibaca dengan klik link ini:

<http://azlishukri.blogspot.com/2013/02/manifesto-pr-tiada-agenda-yang-jelas.html> - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20130225/po_13/Ternyata-tiada-agenda-Islam-dalam-manifesto-pembangkang